

D124

U 853 AAB

MAHATHIR

1985.

KUALA LUMPUR, 18 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BETAPA PENTINGNYA MALAYSIA MENGUASAI PENGETAHUAN DALAM BIDANG MIKROELEKTRONIK UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENCEBURI BIDANG PERINDUSTRIAN YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TINGGI.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA MIKRO-CHIPS KINI MERUPAKAN SATU KOMPONAN YANG SANGAT PENTING DALAM MENGGERAKKAN KERJA-KERJA MEKANIKAL.

+SELAGI KITA TIDAK DAPAT MENGUASAI PENGETAHUAN DALAM MIKRO-CHIP, KITA TIDAK DAPAT MEMASUKI BIDANG-BIDANG SEPERTI KOMPUTER, ROBOT DAN SEBAGAINYA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN INSTITUT SISTEM MIKROELEKTRONIK MALAYSIA (MIMOS) DI SINI.

SERENTAK DENGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA KEJAYAAN USAHA MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN YANG BARU (NIC) BERGANTUNG KEPADA KEBERANIAN PARA USAHAWAN MENCEBURI INDUSTRI-INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI.

KERAJAAN, KATANYA, HANYA BOLEH MEMBERIKAN GALAKAN DAN SEGALA INFRASTRUKTUR SOKONGAN TETAPI TIDAK BOLEH MEMAKSA PARA USAHAWAN MEMASUKI BIDANG-BIDANG TERTENTU JIKA MEREKA SENDIRI TIDAK MAHU. -- LAGI

1237MST 18 05 85

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYIFATKAN PARA USAHAWAN MALAYSIA SEKARANG TIDAK BERAPA BERANI MENCEBURI BIDANG PEMBUATAN SEPERTI DI NEGARA JEPUN ATAU KOREA SELATAN DAN KEGIATAN MEREKA TERHAD KEPADA BIDANG-BIDANG SEPERTI PERUMAHAN DAN PENANAMAN.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA MIMOS DITUBUHKAN UNTUK MENINGKATKAN PENGETAHUAN MALAYSIA DALAM BIDANG MIKROELEKTRONIK.

WALAUPUN MALAYSIA MERUPAKAN PENGELUAR MIKRO-CHIP TERBESAR DALAM DUNIA SELEPAS NEGARA JEPUN DAN AMERIKA SYARIKAT, TETAPI PENGETAHUAN NEGARA DALAM BIDANG INI MASIH CETEK, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH ITU MELALUI MIMOS, PEMAHAMAN MENGENAI MIKRO-CHIP AKAN DIPEROLEHI.

INSTITUT ITU JUGA AKAN MENENTUKAN SAMA ADA NEGARA, DAPAT MEREKA-BENTUK MIKRO-CHIP SENDIRI DAN AKHIRNYA UNTUK PENGELUARAN BAGI KEGUNAAN SENDIRI ATAU EKSPORT, TAMBAH BELIAU.--LAGI

1247MST 18 05 85

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BAGI MAKSUD ITU, BELIAU BERKATA BAHAWA MIMOS AKAN MEMBERI KURSUS MENGENAI MIKROELEKTRONIK KEPADA PARA JURUTERA KERAJAAN DAN MEREKA DARIPADA SEKTOR SWASTA JUGA DITAWARKAN MENGIKUTINYA.

SEMASA MENJAWAB SATU PERTANYAAN MENGENAI KESAN PENGGANTUNGAN NEGARA KEPADA INDUSTRI ELEKTRONIK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA TURUN NAIK PERMINTAAN BAGI MIKRO-CHIP ADALAH PERKARA BIASA.

KEGUNAAN MIKRO-CHIP KINI SEMAKIN MELUAS DAN PERMINTAAN TERHADAPNYA AKAN MENINGKAT DENGAN KEGUNAAN-KEGUNAAN BARU YANG AKAN DIFIKIRKAN OLEH MANUSIA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA MENAFIKAN BAHAWA INDUSTRI MIKROELEKTRONIK BERKEMBANG DI NEGARA INI KERANA ADA TENAGA MANUSIA YANG MURAH MALAHAN MALAYSIA KINI TERPAKSA BERSAING DENGAN CHINA YANG MENAWARKAN HARGA BURUH LEBIH RENDAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBELUM ITU MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA BAGI PIHAK MIMOS DENGAN TIGA BUAH SYARIKAT DARI BRITAIN, SWEDEN DAN ITALI. SYARIKAT-SYARIKAT ITU IALAH ERICSSON, MARCONI DAN TELEFONAKTIEBOLAGET.

KATANYA MEMORANDUM YANG SERUPA DENGAN DUA BUAH SYARIKAT DARI JEPUN AKAN DITANDATANGANI TIDAK LAMA LAGI.

MIMOS YANG DITUBUHKAN SEBAGAI SATU UNIT DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) TELAH MEMULAKAN OPERASINYA PADA 1 JANUARI TAHUN INI. --BERNAMA

170AMST 13 05 85